



Rencana  
Utama

Susunan  
**ZURAINI  
MOHD. KHALID**

**B**ERITA kematian seekor panda jantan yang merupakan penghuni tetap taman tema Ocean Park, Hong Kong pada usia 35 tahun minggu lalu menjadi tajuk utama banyak akhbar di seluruh dunia.

Selepas ini, tiada lagi kelibat panda bernama An An berperwatakan penuh semangat dan nakal yang boleh disaksikan pengunjung di taman tema yang terletak di Aberdeen, Hong Kong itu.

Kematian beruang tersebut yang diumumkan menerusi laman Facebook rasminya adalah diakibatkan oleh euthanasia atau 'pembunuhan belas kasihan' susulan beberapa komplikasi kesihatan yang dialami panda tersebut.

"Dengan penuh rasa dukacita, Ocean Park mengumumkan kematian An An.

"An An merupakan ahli keluarga kami yang telah membesar bersama-sama taman tema ini. Ia juga mempunyai hubungan akrab dengan warga tempatan dan juga pelancong.

"An An menjalani kehidupan sepenuhnya dan mati pada usia 35 tahun iaitu bersamaan dengan 105 tahun usia manusia," demikian tulis kenyataan pada laman Facebook tersebut.

# Merindui keletah An An yang comel, suka bermain



AN AN ketika menyambut ulang tahun yang ke-35 di taman tema Ocean Park, Hong Kong tahun lalu.

Ya seterusnya dibanjiri dengan komen netizen yang turut sama bersedih atas kematian haiwan comel tersebut.

Seorang pengunjung cilik taman tema tersebut dikenali sebagai Ana Ma, 10, menyifatkan dia begitu sedih apabila mendapat tahu haiwan yang sering dilawatinya sejak kecil itu sudah tiada lagi.

“Saya sering datang ke taman tema ini ketika kecil dan merakamkan banyak gambar bersama An An.

“Tiada panda yang mampu menggantikan tempatnya,” kata kanak-kanak itu.

Seorang wakil daripada Biro Kebudayaan, Sukan dan



**ANTARA** ucapan takziah yang ditulis pengunjung Ocean Park kepada An An yang mati minggu lalu.

Pelancongan China pula menulis, An An telah menemani penduduk bandar itu selama 23 tahun dan meninggalkan banyak memori indah. “Kami amat berdukacita atas pemergiannya,” tulis wakil itu.

Dalam pada itu, Pengerusi Ocean Park, Paolo Pong berkata, kecerdikan dan sikap manja beruang itu akan amat dirindui semua.

An An dilahirkan pada Ogos 1986 di Sichuan, China. Pada asalnya, ia tinggal di Hutan Simpan Nasional Wolong sebelum dihantar ke Ocean Park pada Mac 1999 sebagai hadiah daripada pihak Beijing kepada Hong Kong.

An An dihadiahkan kepada taman tema itu oleh pemerintah China 23 tahun lalu bersama seekor panda betina yang dinamakan Jia Jia.

Jia Jia yang dipercayai merupakan panda gergasi betina tertua dunia bagaimanapun mati pada tahun 2016 ketika berusia 38 tahun.

Selepas kematian Jia Jia, pasangannya itu menjalani kehidupan ‘solo’ dan menyambut ulang tahun kelahirannya yang ke-35 pada tahun lalu secara bersendirian.

An An makan kek ais buah-buahan dari Haagen-Dazs, tebu dan buluh sambil dikelilingi beberapa keping kad

- Panda mempunyai enam jari. Jari keenam pada panda kelihatan seperti ibu jari manusia dan mempunyai fungsi sama. Namun, ia sebenarnya adalah tulang pergelangan tangan luar biasa yang membolehkannya menggenggam makanan
- Panda akan mengabaikan salah satu anaknya jika mendapat kembar. Panda liar lazimnya hanya mempunyai seekor anak dan sekiranya ibu panda mendapat dua ekor anak, dia akan memberi makanan dan menjaga seekor sahaja yang dirasakan lebih kuat

Rutin hariannya adalah makan dan tidur. Seekor panda seberat 45 kilogram akan menghabiskan masa sekitar 12 jam untuk makan buluh sehari. Sekiranya ia tidak makan, ia menghabiskan masa dengan tidur



**BEBERAPA** pengunjung berdiri di luar taman tema Ocean Park bagi memberi penghormatan kepada panda jantan tertua di dunia itu.

Panda lazimnya mempunyai jangka hayat antara 14 sehingga 20 tahun. Malah, panda yang berada dalam kurungan juga jarang sekali mencapai umur 30 tahun.

Menurut kiraan Ocean Park, satu tahun panda bersamaan dengan tiga tahun manusia.

Pong berkata, usia An An yang mampu hidup melebihi jangka hayat seekor beruang panda biasa menunjukkan usaha dan komitmen berterusan taman tema itu terhadap penjagaan panda gergasi.

Premis itu masih lagi menjadi rumah

sebagai spesies terancam pada tahun 1990 oleh Kesatuan Antarabangsa untuk Pemuliharaan Alam Semula Jadi, namun pada tahun 2016, organisasi itu mengklasifikasikan semula beruang panda sebagai haiwan 'rentan'.

Sehingga tahun lalu, terdapat kira-kira 1,800 panda gergasi liar dengan 500 ekor panda gergasi liar di China dan 500 ekor panda gergasi di dalam kurungan di seluruh dunia.

Panda merupakan haiwan yang cukup unik memandangkan ia hanya dilahirkan dengan bulu berwarna hitam dan putih.



**DENG TAO**

## Jari keenam mudahkan Panda makan

PASUKAN penyelidik China melaporkan, penemuan baharu tentang evolusi ibu jari palsu atau jari keenam pada panda gergasi menunjukkan haiwan itu sudah makan buluh sejak lebih enam juta tahun lalu.

Kajian oleh saintis di Institut Paleontologi Vertebrata dan Paleoantropologi (IVPP) di bawah Akademi Sains China (CAS) dan Institut Zoologi Kunming di bawah CAS mendapati, antara ciri yang

Ketika berita An An yang lesu tidak bermaya dan mula hilang selera makan diumumkan minggu lalu, Ketua Eksekutif Hong Kong, John Lee menghubungi Ocean Park untuk menyuarakan kebimbangan beliau.

Menurut laporan pegawai rasmi taman tema tersebut, beberapa hari sebelum kematiannya, An An mula menolak makan makanan pejal dan kelihatan lesu.

ia hanya minum air dan elektrolit, malah ia makan jauh lebih sedikit berbanding jumlah pengambilan tebunya sebelum ini, iaitu sebanyak 13 kilogram (kg) sehari.

kepada dua lagi panda gergasi iaitu Ying Ying yang merupakan panda betina dan Le Le (jantan).

Kedua-dua ekor haiwan itu telah dihadiahkan oleh pemerintah China pada tahun 2007.

China menghabiskan tempoh selama setengah abad dalam usaha meningkatkan populasi haiwan ikonik itu dengan mewujudkan rizab panda yang luas merentasi beberapa banjaran gunung.

ia sebagai usaha menyelamatkan haiwan tersebut daripada diancam kepupusan.

Walaupun panda gergasi disenaraikan

Malah, ia juga merupakan antara haiwan yang paling disukai kerana rupanya yang comel.

Beruang itu juga dianggap sebagai khazanah negara China dan cukup signifikan dengan Tabung Hidupan Liar (WWF) yang menggunakan gambar haiwan tersebut pada logonya sejak ditubuhkan pada tahun 1961.

Panda lazimnya hidup di kawasan hutan sederhana tinggi di pergunungan barat daya China dan memakan buluh sebagai makanan utamanya.

Panda perlu makan sekitar 11 hingga 38kg buluh setiap hari, bergantung kepada bahagian pokok buluh tersebut.

menjadikan panda gergasi menjadi pemakan tegar pokok buluh adalah kerana ia memiliki 'ibu jari' tambahan pada kedua-dua belah tangannya.

Menurut salah seorang pengarang kajian itu, Deng Tao, selain lima jari biasa yang ada pada kebanyakan mamalia, panda gergasi mempunyai tulang pergelangan tangan yang sangat besar dikenali sesamoid jejari.

ia bertindak sebagai jari keenam yang membantu panda memegang buluh.

"Kami mengkaji tulang sesamoid terawal yang ditemui pada spesies panda *Ailuractos* dari tapak Miocene di wilayah Yunan, barat daya China.

"Kami mendapati, ibu jari pada panda itu menyebabkan ia sukar untuk mengumpul makanan lain seperti kekacang dan buah beri, sekali gus menjadikan buluh sebagai makanan utamanya memandangkan ia mudah digenggam oleh jari-jarinya," katanya.

Hasil penyelidikan menunjukkan, diet buluh khusus pada panda gergasi bermula seawal enam hingga tujuh juta tahun dahulu.

Tambahnya, jari keenam pada panda juga tidak membesar dan memandangkan habitat panda kaya dengan pokok buluh, spesies itu tidak memerlukan ibu jari yang lebih panjang untuk mengakses makanan sedia ada.

Tambahan lagi, saiz ibu jari yang lebih besar itu juga menyebabkan panda gergasi berjalan dalam keadaan tidak selesa.

Ini memandangkan, haiwan itu berjalan dengan kedudukan *plantigrade* yang mana tumit tangannya menyentuh tanah.



IMEJ An An yang sedang bermain dirakam pada Mac 2006 di taman tema Ocean Park, Hong Kong.